

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN HAJAH SABANI BINTI MAT

TARIKH : 7 MEI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 64

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh Kerajaan bagi mengatasi masalah kemalangan jalan raya. mengikut laporan pada tahun 2016 jumlah kenderaan sebanyak 27 juta dan dianggarkan pertambahan akan lebih mendadak pada tahun 2020. Pertambahan ini bukan sahaja boleh menyebabkan kesesakan malahan juga boleh berlaku kemalangan.

Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, jumlah kenderaan terkumpul yang berdaftar bagi tahun 2017 adalah sebanyak 28.7 juta manakala bagi tahun 2018 pula adalah sebanyak 29.9 juta. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 1.2 juta yang sedikit sebanyak menyumbang kepada peningkatan trafik di Malaysia. Selain itu, bilangan pemandu juga telah meningkat daripada 15.7 juta pada tahun 2017 kepada 16.8 juta pada tahun 2018.
2. Walau bagaimanapun, statistik kematian akibat kemalangan jalan raya telah menunjukkan penurunan pada tahun 2018 iaitu sebanyak 6,284 kematian berbanding pada tahun 2017 (6,740 kematian). Ini merupakan petunjuk positif yang menunjukkan keberkesanan usaha-usaha advokasi dan pelbagai operasi keselamatan jalan raya yang telah dijalankan oleh Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya (MIROS) serta kerjasama erat daripada semua agensi terlibat sama ada sektor awam mahupun swasta yang sentiasa berganding bahu dalam merealisasikan hasrat Kerajaan untuk mencapai sasaran indeks kematian 2.0 pada tahun 2020.
3. Antara usaha-usaha yang boleh dijalankan bagi mengurangkan kadar kemalangan jalan raya ini adalah melalui program intervensi berterusan dalam pelbagai siri program kepada pengguna jalan raya yang merangkumi pelbagai kumpulan sasaran bagi memupuk kesedaran tentang kepentingan keselamatan jalan raya.

4. Selain itu, modul pembelajaran Pendidikan Keselamatan Jalan Raya (PKJR) telah mula diajar di sekolah rendah di seluruh Malaysia bermula tahun ini dan seterusnya akan diperluaskan kepada sekolah menengah rendah, taska dan prasekolah juga dapat dilihat sebagai usaha berterusan Kementerian Pengangkutan Malaysia dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia dalam membentuk masyarakat yang peka tentang kepentingan keselamatan jalan raya.
5. Bagi membendung kemalangan jalan raya yang akan dihadapi menjelang 2020 atas sebab peningkatan jumlah kenderaan di jalan raya secara bersama, Kementerian Pengangkutan menyarankan semua semua pihak termasuk pihak swasta dan orang ramai untuk merujuk dan melaksanakan strategi-strategi seperti yang termaktub dalam Pelan Keselamatan Jalan Raya (PKJRM) 2014-2020.
6. Di bawah PKJRM 2014 - 2020, Kementerian telah mensasarkan untuk mengurangkan Indeks Kematian untuk setiap 10,000 kenderaan berdaftar kepada 2.0 pada tahun 2020 dan optimis bahawa sasaran ini mampu dicapai dengan kerjasama pelbagai agensi Kerajaan dan Swasta secara komprehensif dan menyeluruh. Pada tahun 2018, indeks kematian bagi 10,000 kenderaan berdaftar di Malaysia adalah pada kadar 2.10.
7. Selain itu, antara inisiatif berterusan Kerajaan dalam mengurangkan kadar kesesakan yang sememangnya berisiko menyebabkan kemalangan adalah dengan menggalakkan penggunaan perkhidmatan pengangkutan awam di mana inisiatif seperti pelaksanaan Pas Bulanan Tanpa Had Perjalanan iaitu Kad MY100 dan MY50 bagi pengangkutan awam rel dan bas bandar di bawah

NO. SOALAN: 64

kendalian RapidKL bermula 1 Januari 2019, serta diskaun tambang perjalanan kepada perkhidmatan rel KTM Komuter di bawah Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) melalui promosi Kad XTRA20 yang telah bermula pada 1 April 2019.

Sekian, terima kasih.